



LYRICAL LESSON

Tajuk Lagu: Pengurusan Bahan Buangan

Melodi Asal: Balik Kampung (Dato' Sudirman Hj Arshad)
<https://qr.pelangibooks.com/?u=Sf915lHl>

Lirik Lagu:

Bahan yang sudah tak diperlukan
Dan sudah tidak mahu disimpan
Itu dia maksud bahan buangan

Ada cara untuk dilupuskan
Bahan buangan yang boleh mereput
Itu bahan terbiodegradasi
Asal manusia, tumbuhan dan haiwan
Tinja, daun kering, sisa makanan

Oh Oh Oh kitar semula!
Oh Oh Oh guna semula!
Oh Oh Oh ayuh sayangi
Bumi kita

Bahan yang tidak boleh mereput
Bahan tidak terbiodegradasi
Seperti plastik, kaca dan logam
Begitu juga dengan sisa toksik

Ada cara urus bahan buangan
Dibawa ke pusat pengumpulan
Sampah dikumpul dan diasingkan
Dikitar semula atau dibakar
Bakar sampah dalam insinerator
Kemudian baru dilupuskan
Untuk mengurangkan pencemaran
Dan elakkan terjejas kesihatan

Oh Oh Oh kitar semula!
Oh Oh Oh guna semula!
Oh Oh Oh ayuh sayangi
Bumi kita

Ayuh asingkan bahan buangan
Bahan kimia dalam bekas khas
Bungkus kemas plastik bahan buangan
Melestarikan alam sekitar

